

Pemuda yakin pengundi tidak terpengaruh dakyah pembangkang

KOTA TINGGI: Pemuda Umno yakin pengundi Batu Talam tidak akan terpengaruh dakyah pembangkang bahawa jentera Umno gagal membantu mangsa banjir di Johor ketika kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam 28 Januari depan.

Ketua Pemuda, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata tiada siapa boleh menyangkal keikhlasan Umno terutama sekali jentera Pemuda membantu mangsa banjir tanpa mengira siang dan malam.

"Walaupun, banjir sudah surut, kita (Pemuda Umno) terus bergerak membantu mangsa banjir daripada segala aspek.

"Ini bukti kepada rakyat bahawa keikhlasan Umno dalam membantu mereka yang dalam kesusahan dan

8H-811/2007
kita tidak pernah berpaling dalam perjuangan ini," katanya di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas isu mangsa banjir Johor diabaikan Umno yang mula digunakan pembangkang menjelang pilihan raya kecil DUN Batu Talam.

Hishammuddin berkata, beliau akan melancarkan Jentera Pilihan Raya Pemuda Barisan Nasional (BN) di Batu Talam, 13 Januari ini dengan disertai semua pemimpin Pemuda parti komponen BN.

Ditanya mengenai jentera Pemuda Umno di Batu Talam, beliau berkata, Naib Ketua Pemuda, Khairy Jamaluddin mengetuai Bilik Operasi Pemuda Pilihan Raya Batu Talam dan 1,000 Pemuda Umno dari seluruh negara akan digerakkan bagi membantu jentera pilihan raya BN.

"Setiap satu Pemuda negeri akan menjaga satu peti undi dan ini bermakna, semua 12 peti undi dijaga Pemuda dari setiap negeri," katanya.

“Pembangkang cakap memang mudah, tapi siapa yang bantu mangsa banjir ini...tidak kira siang dan malam.”

Hishammuddin Hussein
Ketua Pemuda Umno